

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

**BILANGAN 18 TAHUN 2020**

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA 1965  
BERKENAAN DENGAN KELULUSAN PERIZABAN MANA-MANA TANAH  
KERAJAAN UNTUK TUJUAN TAPAK MASJID, MADRASAH, TAPAK KUBUR  
DAN SEKOLAH AGAMA**

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 3/2020 yang bersidang pada 12/02/2020 telah membuat keputusan mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 mulai 10/09/2020 melalui Warta Kerajaan Kelantan KN. PU.No.1099 sebagaimana yang dilampirkan bersama-sama ini bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:

(1)

(2)

(3)

Pegawai

Peruntukan

Syarat-syarat dan

sekatan-sekatan


Pengarah Tanah  
dan Galian Negeri  
Kelantan.

(i) Seksyen 62, Kanun  
Tanah Negara 1965

(i) Kuasa merizabkan mana-mana  
Tanah Kerajaan untuk tujuan tapak  
masjid, madrasah, tapak kubur dan  
sekolah agama.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan PTG Bilangan 4/2020.

3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.**

**KEPADА:**

Yang Berbahagia Dato' / Yang Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3,KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.**

NO FAIL : PTG.KN.(S)13/75 JLD 4.(28)

BERTARIKH : 20 Disember, 2020/ 05 Jamadil Awal 1442H.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1184

[10hb Sep. 2020]

## NATIONAL LAND CODE 1965 DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

IN exercise of the power conferred by section 13 of the National Land Code 1965 [Act 56 Of 1965], the State Authority hereby delegates to the officer specified in column (1) of the Schedule hereunder the exercise or performances of the power conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (2) of the Schedule, subject to such condition and restriction specified in column (3) of the said Schedule with effect from the date of publication of this delegation of powers.

### SCHEDULE

(1) Officer	(2) Provision	(3) Conditions and restrictions
Director of Lands and Mines, Kelantan	Section 90A National Land Code 1965	Power to approve an extension of land alienated for a term not exceeding fifteen years for any application made from 1 May 2020 to 30 April 2021.

Bertarikh 22 April 2020  
[PTG.PKP.1/3/2 JILID 18(4);  
PU.KN.1/G/11(41)]

HAJI AHMAD ADLEE BIN YASIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Kelantan*

No. 1099.

## KANUN TANAH NEGARA 1965 PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai yang diperihalkan dalam ruangan (1) Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan yang diperihalkan dalam ruangan (2) Jadual, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang diperihalkan dalam ruangan (3) Jadual tersebut mulai dari tarikh penyiaran perwakilan kuasa ini.

### JADUAL

(1) Pegawai	(2) Peruntukan	(3) Syarat dan sekatan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan	Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965	Kuasa merizabkan mana-mana Tanah Kerajaan untuk tujuan tapak masjid, madrasah, tapak kubur dan sekolah agama.

Bertarikh 26 Februari 2020  
[PTG.KN.(S)13/75 JLD. 4(25);  
PU.KN.1/G/11(42)]

HAJI AHMAD ADLEE BIN YASIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kelantan*

## NATIONAL LAND CODE 1965

## DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

IN exercise of the power conferred by section 13 of the National Land Code 1965 [Act 56 Of 1965], the State Authority hereby delegates to the officer specified in column (1) of the Schedule hereunder the exercise or performances of the power conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (2) of the Schedule, subject to such condition and restriction specified in column (3) of the said Schedule with effect from the date of publication of this delegation of powers.

## SCHEDELE

(1) Officer	(2) Provision	(3) Conditions and restrictions
Director of Lands and Mines, Kelantan	Section 62 National Land Code 1965	Power to reserve any State Land for the purpose of mosque, <i>madrasah</i> , cemetary and religious school.

Bertarikh 26 February 2020  
[PTG.KN.(S) 13/75 JLD.4(25);  
PU.KN.1/G/11(42)]

HAJI AHMAD ADLEE BIN YASIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Kelantan*

## No. 1100.

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Shamsudin bin Mohamad No. KP. 6127717 (1/1 Bahagian) yang beralamat di Kg. Baru Hulu, 18300 Gua Musang Kelantan tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai 1hb Oktober adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga enam dalam jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika \*jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah \*tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.